

SEJARAH AWAL ORANG CHINA DI REMBAU

Satu Pendenalan Ringkas

Norhalim Hj. Ibrahim

Orang China yang mula datang ke Rembau ialah Lee Teck Chiao 李德樵 dan Lee Teck Thing 李德糖. Mereka datang pada tahun 1897. Kedua-dua mereka datang dari Hokkien. Sesampainya di Rembau, mereka telah tinggal di Kampung Batu. Mereka datang dengan menaiki kapal layar dan mendarat di Melaka. Dengan melalui jalan sungai - Sungai Linggi, Sungai Rembau hingga ke Pengkalan Shahbandar di Lubuk China. Dari situ mereka menaiki kereta lembu telah mengikut jalan darat hingga ke Kampung Batu.

Semasa mereka tinggal di kampung Batu mereka berusaha mencari dan mengutip damar dan rotan dari kawasan hutan di bukit kawasan Miku. Hasil yang diperolehi di eksport ke Melaka. Bahan perniagaan itu dihantar ke Melaka dengan dua cara iaitu dengan kereta lembu atau diupah orang memikul.

Kampung Batu pada akhir abad ke-19 ini telah mempunyai sebuah balai polis. Balai polis berkenaan terletak di kawasan masjid Kampung Batu sekarang.

Seorang lagi pendatang awal ialah Thing Ke 汤矩. Pada mulanya beliau tinggal di Kampung Batu bersama dengan Lee Teck Chiao dan Lee Teck Thing. Beliau akhirnya berpindah ke kampung Senama dan membuat petempatan di kawasan yang berhampiran dengan rumah Shamsudin (Allahyarham, bekas Ketua Kerani Pejabat Tanah Rembau) iaitu berhampiran dengan padang Sekolah Melayu Terentang (sekolah ini telah ditutup pada sekitar tahun 1954). Beliau telah membuka kebun di kawasan sekitar tersebut.

Pada tahun 1902 kedua-dua Lee Teck Chiao dan Lee Teck Thing balik ke negeri China. Tujuan mereka balik adalah untuk menjemput anak dan isteri mereka dan balik semula ke kampung Batu pada tahun 1904. Mereka tinggal tetap di Kampung Batu. Salah seorang daripada kanak-kanak ini ialah Lee Phoon

yang ketika itu berumur kira-kira 13 tahun. Beliau telah datang ke Rembau pada 1908. Mereka mendirikan dua buah rumah papan.

Kemudian pada sekitar tahun 1910 datang pula Tee Kiong 郑强 (Datuk Che Sang). Beliau telah mendirikan sebuah rumah batu dan papan (masih ada - kedai gunting).

Lee Phoon telah menjalankan perniagaan dan menanam getah di sekitar kawasan pekan sekarang. Di samping Lee Phoon, Tan Phun 陈奔 yang datang sekitar tahun 1911/1912, masih bertocang, telah membuka perniagaan di Rembau. Beliau tidak mempunyai anak dan kini keturunannya telah pupus. Pada tahun 1915/1916 datang Yong Yau Lam 杨耀南. Beliau telah membuka 3/4 buah kedai di Jalan Main Road Rembau. Anak cucu beliau telah berpindah ke tempat lain.

Inggeris datang membuka Rembau Estate / Batu Hampar Estate. Pada tahun 1920 telah berlaku pergaduhan. Lee Phoon berjaya mendamaikan dan mendapat anugerah dari Raja Inggeris.

1907 - 1916 Lee Tong Teck 李统得 datang kali ketiga membawa isteri. Beliau datang bersama Lee Teck Ang 李德红 saudara kepada Lee Phoon.

Dalam tahun 1920-an di Rembau telah ada lebih kurang 20 keluarga yang terdiri daripada 100 orang.

Dalam tahun 1920-an ini juga telah datang orang dari suku lain, berjumlah kira-kira 200 orang kebanyakan daripada mereka bertempat di Sungai Layang dan Kampung Batu.

Pada tahun 1925/1926 kedai-kedai mula dibina. Untuk tujuan ini, pokok-pokok getah telah ditebang. Tanah tersebut telah dipecahkan kepada lot untuk mendirikan rumah.

Tahun 1910 jalan kereta api sampai ke Rembau. Tahun 1927 stesen kereta api Rembau telah terbakar. Orang tertua iaitu Tau Nye 陈懿 berumur 78 tahun.